



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 15 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

| BIL | PERKARA  | SUMBER   | SENTIMEN |
|-----|--|--|----------|
| 1.  | <b>Op Global: Nancy Dijangka Beri Sesi Penerangan Di Dewan Rakyat Esok</b><br><br><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/op-global-nancy-dijangka-beri-sesi-penerangan-di-dewan-rakyat-esok-491722">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/op-global-nancy-dijangka-beri-sesi-penerangan-di-dewan-rakyat-esok-491722</a><br><br><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144298/kanak-kanak-diselamatkan-dari-gisbh-selamat-dalam-jagaan-jkm-sopian">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144298/kanak-kanak-diselamatkan-dari-gisbh-selamat-dalam-jagaan-jkm-sopian</a><br><br><a href="https://www.youtube.com/watch?v=KPOs_7PLaPE">https://www.youtube.com/watch?v=KPOs_7PLaPE</a>  | Astro Awani<br><br>Harian Metro<br><br>Astro Awani | Neutral  |
| 2.  | <b>Dua Kakitangan JKM Songlap Dana Bantuan RM78,000 Dijel, Denda</b><br><br><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/690890/berita/semasa/dua-kakitangan-jkm-songlap-dana-bantuan-rm78000-dijel-denda">https://www.sinarharian.com.my/article/690890/berita/semasa/dua-kakitangan-jkm-songlap-dana-bantuan-rm78000-dijel-denda</a><br><br><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/10/14/jail-fine-for-jkm-officers-who-embezzled-rm78000-in-aid/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/10/14/jail-fine-for-jkm-officers-who-embezzled-rm78000-in-aid/</a><br><br><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/14/dua-kakitangan-jkm-raub-dipenjara-tujuh-hari-dan-denda-rm10000-pecah-amanah/">https://www.kosmo.com.my/2024/10/14/dua-kakitangan-jkm-raub-dipenjara-tujuh-hari-dan-denda-rm10000-pecah-amanah/</a><br><br><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kanak-kanak-rumah-amal-gisbh-selamat-dalam-jagaan-jkm/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kanak-kanak-rumah-amal-gisbh-selamat-dalam-jagaan-jkm/</a> | Sinar Harian<br><br>FMT<br><br>Kosmo<br><br>Utusan | Neutral  |

|    |  |  |         |
|----|--|--|---------|
|    | <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/14/songlap-dana-bantuan-rm78000-2-petugas-jkm-dipenjara-7-hari/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/14/songlap-dana-bantuan-rm78000-2-petugas-jkm-dipenjara-7-hari/</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/14/dua-penolong-pegawai-kewangan-jkm-raub-mengaku-bersalah-pecahan-amanah/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/10/14/dua-penolong-pegawai-kewangan-jkm-raub-mengaku-bersalah-pecahan-amanah/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://themalaysiapress.com/dua-kakitangan-jkm-kena-penjara-tujuh-hari-denda-rm10000/">https://themalaysiapress.com/dua-kakitangan-jkm-kena-penjara-tujuh-hari-denda-rm10000/</a></p>   | FMT<br><br>Malaysia Gazette<br><br>The Malaysia Press                |         |
| 3. | <p><b>JKM Cari Waris Bayi Perempuan</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144179/jkm-cari-waris-bayi-perempuan#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144179/jkm-cari-waris-bayi-perempuan#google_vignette</a></p>   | Harian Metro   | Neutral |
| 4. | <p><b>Kanak-Kanak Perempuan Cedera Diserang Monyet</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/690877/berita/semasa/kanak-kanak-perempuan-cedera-diserang-monyet">https://www.sinarharian.com.my/article/690877/berita/semasa/kanak-kanak-perempuan-cedera-diserang-monyet</a></p>  | Sinar Harian   | Neutral |
| 5. | <p><b>Tiga Kes Jenayah Seksual Kanak-Kanak Setiap Hari</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/gaya/2024/10/tiga-kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-setiap-hari/">https://www.utusan.com.my/gaya/2024/10/tiga-kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-setiap-hari/</a></p>  | Utusan   | Neutral |
| 6. | <p><b>Bayi Lelaki Ditinggalkan Berhampiran Pantai Paka</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/690987/berita/semasa/bayi-lelaki-ditinggalkan-berhampiran-pantai-paka">https://www.sinarharian.com.my/article/690987/berita/semasa/bayi-lelaki-ditinggalkan-berhampiran-pantai-paka</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/pemandu-lori-selamatkan-bayi-yang-dibuang-dalam-parit-x97brum">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/pemandu-lori-selamatkan-bayi-yang-dibuang-dalam-parit-x97brum</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/14/bayi-dibuang-hampir-digigit-anjing-diselamatkan/">https://www.kosmo.com.my/2024/10/14/bayi-dibuang-hampir-digigit-anjing-diselamatkan/</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/14/bayi-meringkuk-kesejukan-ditemukan-dalam-semak/">https://malaysiagazette.com/2024/10/14/bayi-meringkuk-kesejukan-ditemukan-dalam-semak/</a></p> | Sinar Harian<br><br>Astro Awani<br><br>Kosmo<br><br>Malaysia Gazette | Neutral |

|    |   |   |         |
|----|---|---|---------|
|    | <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144296/anak-anjing-beri-petunjuk-penemuan-bayi-lelaki-ditinggalkan-tepi-parit">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144296/anak-anjing-beri-petunjuk-penemuan-bayi-lelaki-ditinggalkan-tepi-parit</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=R3pN7ZMOacc">https://www.youtube.com/watch?v=R3pN7ZMOacc</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=ltBr0hK3WMI">https://www.youtube.com/watch?v=ltBr0hK3WMI</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-ditinggalkan-berhampiran-pantai-paka-491748">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-ditinggalkan-berhampiran-pantai-paka-491748</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/bayi-lelaki-masih-hidup-dibuang-dalam-parit/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/bayi-lelaki-masih-hidup-dibuang-dalam-parit/</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/bayi-lelaki-ditemukan-dalam-semak/">https://www.buletintv3.my/jenayah/bayi-lelaki-ditemukan-dalam-semak/</a></p> | <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p> <p>Buletin TV3</p> |         |
| 7. | <p><b>Terperdaya Keuntungan 300 Peratus, Wanita Rugi RM244,000</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/14/terperdaya-keuntungan-300-peratus-wanita-rugi-rm244000/">https://www.kosmo.com.my/2024/10/14/terperdaya-keuntungan-300-peratus-wanita-rugi-rm244000/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/690833/berita/semasa/teruja-nak-untung-300-peratus-wanita-rugi-rm244000">https://www.sinarharian.com.my/article/690833/berita/semasa/teruja-nak-untung-300-peratus-wanita-rugi-rm244000</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/14/mahu-untung-300-peratus-wanita-rugi-rm244000/">https://malaysiagazette.com/2024/10/14/mahu-untung-300-peratus-wanita-rugi-rm244000/</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/wanita-rugi-rm244-000-terperdaya-skim-pelaburan-palsu">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/wanita-rugi-rm244-000-terperdaya-skim-pelaburan-palsu</a></p>  | <p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita RTM</p>                                    | Neutral |
| 8. | <p><b>Kerajaan Salur Lebih RM600 Juta Kepada Warga Emas Sejak Januari Lalu</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/13/10888/kerajaan-salur-lebih-rm600-juta-kepada-warga-emas-sejak-januari-lalu">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/13/10888/kerajaan-salur-lebih-rm600-juta-kepada-warga-emas-sejak-januari-lalu</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/15/rm601-juta-bantuan-bulanan-disalur-kepada-warga-emas-kata-nancy/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/15/rm601-juta-bantuan-bulanan-disalur-kepada-warga-emas-kata-nancy/</a></p>  | <p>Berita Harian</p> <p>FMT</p>   | Neutral |

|    |  |   |         |
|----|--|---|---------|
|    |  |   |         |
| 9. | <p><b>Remaja OKU Dilaporkan Hilang</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144270/remaja-oku-dilaporkan-hilang">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144270/remaja-oku-dilaporkan-hilang</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/14/remaja-oku-hilang-kali-kedua-tinggalkan-nota-kepada-ibu-saudara/">https://malaysiagazette.com/2024/10/14/remaja-oku-hilang-kali-kedua-tinggalkan-nota-kepada-ibu-saudara/</a></p> | <p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p> | Neutral |

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## OP GLOBAL: NANCY DIJANGKA BERI SESI PENERANGAN DI DEWAN RAKYAT ESOK



Nancy dijangka memberikan penerangan berhubung kanak-kanak yang diselamatkan dari rumah amal yang dikaitkan dengan GISB di Dewan Rakyat esok - Foto fail

KUALA LUMPUR: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dijangka memberikan penerangan berhubung kanak-kanak yang diselamatkan dari rumah amal yang dikaitkan dengan Global Ikhwan Services and Business (GISB) Holding, baru-baru ini.

Menurut Pengarah Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Dr Sopian Ibrahim, sesi penerangan tersebut akan dibuat pada persidangan Dewan Rakyat esok.

"Perincian akan diuar-uar seawal pagi esok semasa sesi (sidang Parlimen)," katanya dalam sidang media di ibu negara hari ini.

Dalam pada itu, Sopian menegaskan semua kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global berada dalam keadaan selamat di bawah jagaan agensi tersebut dan ditempatkan di rumah perlindungan bawah JKMM di seluruh negara.

"Alhamdulillah setakat ini mereka dijaga dengan baik seperti mana kenyataan YB Menteri tentang anak-anak dalam jagaan kita.

"Insya-Allah segalanya mengikut prosedur dan perundangan yang kita perlu akur di bawah Akta Kanak-Kanak contohnya, di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak.

"Jadi akan ada penerangan terperinci oleh YB Menteri (berhubung perkara itu)," tambah beliau.

Ujar beliau lagi, terdapat institusi yang digazetkan sebagai tempat selamat untuk menempatkan kanak-kanak yang diperintah oleh mahkamah untuk dijaga.

Semalam, seramai 96 ibu bapa kepada 174 kanak-kanak yang dikaitkan dengan GISB memohon anak mereka dipulangkan semula ke pangkuan keluarga masing-masing berikutan sudah hampir lebih sebulan tidak berjumpa.

Jurucakap Gerakan Pulangkan Anak-Anak Kami (GPAAK), Datuk Tun Faisal Ismail Aziz mendakwa, kanak-kanak terbabit "dirampas dan disembunyikan" secara tidak sah dari segi undang-undang.

Pada 12 Oktober lalu, Nancy berkata pihaknya tidak berniat untuk memisahkan kanak-kanak berkenaan daripada ibu bapa mereka dan langkah yang diambil adalah mengikut lunas undang-undang.

Beliau berkata, daripada 660 kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global, 559 daripada mereka mendapat perintah mahkamah untuk mendapat penjagaan dan perlindungan di bawah JKMM bermula Oktober hingga Disember ini.

## DUA KAKITANGAN JKM SONGLAP DANA BANTUAN RM78,000 DIJEL, DENDA



KUANTAN - Dua Penolong Pegawai Kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Raub masing-masing dipenjara tujuh hari dan didenda RM10,000 selepas mengaku salah dalam Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas tuduhan melakukan pecah amanah membabitkan dana bantuan berjumlah RM78,000 kira-kira empat tahun lalu.

Hukuman penjara diputuskan Hakim Sazlina Safie ke atas Tengku Ashraf Shah Tengku Yahya, 41 dan Zuriani Abdul Rahim@ Abdul Rahman, 41 bermula dari tarikh jatuh hukum.

Kedua-dua tertuduh berdepan hukuman penjara dua bulan sekiranya gagal menjelaskan denda.

Berdasarkan kertas pertuduhan, kedua-dua tertuduh didakwa mengemukakan penyata agihan bantuan am bagi tempoh Jun 2020 hingga Februari 2021 kepada Ketua Cawangan JKM daerah Raub.

Melalui penyata tersebut, tertuduh mendakwa bantuan telah diagihkan kepada 20 penerima namun bantuan itu tidak diterima penerima terlibat.

Bagi kesalahan itu, kedua-dua tertuduh didakwa di bawah Seksyen 417 Kanun Keseksaan membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya, Mohammad Asraf Mohamed Tahir manakala tertuduh diwakili peguam, Muslimah Roslan dan As'ad Mohd Ghani.

## **JKM CARI WARIS BAYI PEREMPUAN**



Kuala Berang: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Hulu Terengganu sedang mengesan ibu kandung dan waris kepada seorang bayi perempuan yang kini berusia sembilan bulan.

Pegawai JKM Daerah Hulu Terengganu Ahmad Zaidi Zulkifli berkata, bayi berkenaan dijumpai di luar pagar rumah penduduk di Kampung Bukit Tokbat dekat sini, pada 5 Oktober tahun lalu pada 4.50 petang.

Menurutnya, bayi itu diletakkan di dalam sebuah kotak beralaskan tuala bersama tali pusat yang sudah dipotong.

Katanya, satu set pakaian lengkap bayi, satu kotak tisu basah, satu botol minyak angin, dua lampin pakai buang dan satu keping kertas yang mengandungi nota yang ditulis ibu bayi berkenaan turut ditemukan di dalam satu kotak yang lain.

"Orang awam kemudian membawa bayi itu ke Balai Polis Kuala Berang sebelum bayi berkenaan dirujuk ke Hospital Hulu Terengganu (HHT) dan dipindahkan ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu, untuk rawatan lanjut," katanya.

Ahmad Zaidi berkata, bayi berkenaan kini ditempatkan di Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom, Penor, Pahang selepas mendapat perintah mengikut Seksyen 30(1)(c) dan Subseksyen 30(8) daripada Mahkamah Majistret Hulu Terengganu untuk ditempatkan dalam institusi JKM pada 29 Januari lalu sehingga kini.

Beliau berkata, usaha mengesan dilakukan untuk memberi maklum balas sebelum Perintah Kebenaran Pengangkatan dikeluarkan oleh mahkamah.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat atau mengenali waris kanak-kanak berkenaan diminta menghubungi Pelindung JKM Daerah Hulu Terengganu, Rusmiza Jusoh di talian 096811315," katanya.

## **KANAK-KANAK PEREMPUAN CEDERA DISERANG MONYET**

SEREMBAN - Seorang kanak-kanak perempuan cedera di kaki selepas diserang seekor monyet yang tiba-tiba masuk ke pekarangan rumahnya di Taman Warisan Puteri di sini pada Ahad.

Kejadian kira-kira jam 4.20 petang itu berlaku semasa Nur Keisha Marissa Mohd Irfan, 10, membantu ibunya Nurul Farahana Zaini, 35, mengangkat pakaian di ampai.

Menurut Nurul Farahana ketika itu dua lagi adiknya yang berusia lima dan dua tahun turut berada di pekarangan rumah.

"Ketika saya hendak sidai baju tiba-tiba datang seekor monyet serang anak-anak sebelum saya bertindak menghalau monyet tersebut dengan kayu.

"Dalam situasi cemas itu, saya lihat Marissa cuba menyelamatkan dua adiknya daripada diceredakan binatang liar berkenaan sehingga menyebabkannya cedera di bahagian kaki kirinya," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Isnin.

Katanya, dia bergegas membawa anaknya itu ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS) bagi mendapatkan rawatan lanjut selepas mendapati kecederaan yang dialami anaknya agak serius.

"Marissa terpaksa ditahan wad kerana lukanya dalam selain perlu dijahit dan dipantau dalam tempoh seminggu ini bagi mengelakkan jangkitan kuman," katanya.

Ujarnya, laporan mengenai kehadiran monyet di kawasan perumahannya itu sebelum ini telah dimaklumkan kepada jabatan bertanggungjawab dan berharap tindakan sewajarnya dapat diambil oleh pihak berkenaan bagi mengelakkan insiden sama berulang.

## **BAYI LELAKI DITINGGALKAN BERHAMPIRAN PANTAI PAKA**



KUALA TERENGGANU - Seorang bayi lelaki ditemukan di dalam parit kering berhampiran pantai Paka, Dungun hari ini.

Ketua Polis Daerah Dungun, Superintenden Maizura Abdul Kadir berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai penemuan bayi itu daripada orang awam yang melalui kawasan pantai berkenaan.

"Kita sedang mengesan suspek kes ini, yang disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksan kerana menyembunyikan kelahiran dengan niat membuang bayi," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata, bayi lelaki berkenaan kemudiannya dihantar ke Hospital Kemaman untuk rawatan lanjut.

Sementara itu, lelaki yang menemukan bayi berkenaan, Mohd Zoo Abd Rahman, 44, berkata, bayi itu dijumpai di dalam beg dengan beralaskan sehelai kain lusuh dalam keadaan tanpa berpakaian.

"Mulanya saya melihat dua ekor anak anjing berkeliaran sebelum ternampak beg berhampiran haiwan itu dan terdengar tangisan bayi.

"Saya memanggil beberapa pengunjung pantai untuk memeriksa beg itu sebelum menemukan bayi berkenaan yang sedang kesejukan," katanya yang juga seorang pemandu lori.

Dia kemudiannya menghubungi polis berhubung penemuan bayi itu. - Bernama

## **KERAJAAN SALUR LEBIH RM600 JUTA KEPADA WARGA EMAS SEJAK JANUARI LALU**

KUALA LUMPUR: Kerajaan menyalurkan bantuan bulanan kewangan sebanyak RM601 juta kepada penerima Bantuan Warga Emas (BWE), manakala RM116 juta kepada penerima Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dalam tempoh lapan bulan sejak awal tahun lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata bantuan itu disalurkan kepada lebih 151,000 penerima BWE dan hampir 29,000 penerima BPT dalam usaha membantu mengekalkan golongan berkenaan bersama keluarga.

Beliau berkata, kementerian berpegang dengan pendirian bahawa penjagaan terbaik kepada warga emas adalah bersama keluarga.

Oleh itu, katanya kementerianya sentiasa memberi penekanan kepada prinsip Penjagaan Berasaskan Keluarga dan menerapkan konsep Penuaan Setempat.

"Dalam hal ini, kerajaan melalui Dasar Warga Emas Negara berusaha untuk memberi sokongan kepada keluarga dan masyarakat untuk menjaga ibu bapa mereka yang sudah berumur di tempat yang selesa bagi menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup warga emas," katanya dalam jawapan bertulis disiarkan di laman web Parlimen.

Beliau menjawab soalan Wong Shu Qi (PH-Kluang) yang meminta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan langkah diambil bagi membolehkan warga emas menua di tempat mereka memandangkan Bank Dunia menjangkakan Malaysia mencapai taraf negara tua pada 2044.

Nancy berkata bagi membantu warga emas yang hidup bersendirian di rumah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut melaksanakan Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR).

Beliau berkata menerusi program itu, sukarelawan KBDR akan melawat dan membantu daripada segi keperluan harian seperti mengemas rumah, membeli barang keperluan asas dan menemani warga emas dalam urusan janji temu di hospital.

Katanya, ketika ini, lebih 6,000 warga emas menerima manfaat daripada program berkenaan membabitkan hampir 2,300 orang sukarelawan KBDR.

"Menyedari keperluan warga emas untuk tinggal dengan sejahtera dalam komuniti, kementerian menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Sehingga kini, sebanyak 164 PAWE beroperasi di seluruh Malaysia yang memberi manfaat kepada lebih 50,000 warga emas.

"Inisiatif ini adalah satu perkhidmatan bercorak penjangkauan sosial dan pembangunan warga emas berteraskan konsep Organisasi Berasaskan Komuniti yang dikendalikan oleh badan bukan kerajaan dengan kerjasama strategik KPWKM.

"Penubuhan PAWE adalah bagi menggalakkan penuaan yang aktif dan produktif dalam kalangan warga emas dengan melibatkan penyertaan komuniti setempat," katanya